



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI KANAN PERTAHANAN**

17 JUN 2021

**MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) &
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

PKPD 9 Rumah Panjang Sungai Rassau, Batang Igan, Matu, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di sembilan (9) Rumah Panjang Sungai Rassau, Batang Igan, Matu, Sarawak yang melibatkan:

- Rumah Panjang Salim anak Unang
- Rumah Panjang Judy anak Kudi
- Rumah Panjang Mathew anak Merang
- Rumah Panjang Danggung anak Ujang
- Rumah Panjang Lait anak Ijang
- Rumah Panjang Chandi anak Kilau
- Rumah Panjang Putut anak Jugah
- Rumah Panjang Sadin anak Jeli
- Rumah Panjang Mador anak Rendah

Seramai 84 penghuni telah disaring dan daripada jumlah itu, 48 kes positif direkodkan dengan kadar positifiti 57.14% . KKM juga mendapati penularan mula berlaku dan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di sembilan rumah panjang seperti dinyatakan berkuat kuasa 19 Jun sehingga 2 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk memudahkan pengesanan awal kes positif sekali gus membendung penularan wabak itu secepat mungkin.

PKPD Asrama Pekerja Warga Asing dan Kawasan Kilang Wah Cens Plastic Industries & Rainbow Metal Sdn Bhd, Buloh Kasap, Segamat, Johor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan terkini kes COVID-19 di Asrama Pekerja Warga Asing dan Kawasan Kilang Wah Cens Plastic Industries & Rainbow Metal Sdn Bhd, Buloh Kasap, Segamat, Johor

Dalam tempoh seminggu, KKM mendapati berlaku peningkatan apabila sebanyak 52 kes positif telah dikesan setelah 488 individu disaring dengan kadar positifiti 10.7%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Asrama Pekerja Warga Asing dan Kawasan Kilang Wah Cens Plastic Industries & Rainbow Metal Sdn Bhd, Buloh Kasap, Segamat Johor berkuat kuasa 19 Jun sehingga 2 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menghalang pergerakan keluar masuk pekerja dalam kawasan kilang sekali gus mengurangkan risiko penularan di luar lokaliti tersebut.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD Kawasan Semarak, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kawasan Semarak, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 18 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 486 ujian saringan dan 102 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan penularan masih berlaku dalam kalangan penduduk serta terdapat juga kes baharu direkodkan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kawasan Semarak, Tawau, Sabah bermula 19 Jun sehingga 2 Julai 2021.

Pelanjutan PKPD Kampung Pengaraban, Kudat, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pengaraban, Kudat, Sabah yang dijadualkan tamat pada 18 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 109 ujian saringan dan 45 daripadanya dilaporkan positif COVID-9.

KKM juga mengesahkan masih berlaku penularan di kalangan komuniti dan kes-kes baharu masih dilaporkan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Pengaraban, Kudat, Sabah dari 19 Jun 2021 hingga 2 Julai 2021.

Penamatan PKPD 2 lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 17 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti tersebut ialah:

- Kampung Tanjung Aru Baru
- Rumah Murah Kepayan

Dalam tempoh itu, seramai 210 penduduk di Kampung Tanjung Aru Baru telah disaring dan 39 daripadanya dikesan positif COVID-9 manakala di Rumah Murah Kepayan, sebanyak empat (4) kes direkodkan hasil daripada 466 ujian saringan dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua lokaliti seperti dinyatakan pada 17 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Daerah Besut, Terengganu

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Daerah Besut, Terengganu yang dijadualkan tamat pada 18 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 3,366 ujian saringan dan 277 daripadanya dilaporkan positif COVID-9.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Daerah Besut, Terengganu pada 18 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD 3 Lokaliti di Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti di Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 18 Jun 2021.

Ketiga-tiga lokaliti tersebut ialah:

- Taman Milenium
- Taman Wawasan
- Kampung Jawa Kongsi 10

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 339 ujian saringan dan 61 daripadanya dilaporkan positif COVID-9.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di tiga lokaliti seperti dinyatakan pada 18 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Rumah Panjang Sigah anak Lak, Sungai Baoh Burak, Dalat, Mukah, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Rumah Panjang Sigah anak Lak, Sungai Baoh Burak, Dalat, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 18 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 88 ujian saringan dan 44 daripadanya dilaporkan positif COVID-9.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Rumah Panjang Sigah anak Lak, Sungai Baoh Burak, Dalat, Mukah, Sarawak pada 18 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 94,707 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,461 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,204 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 764 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 722 individu dikompaun manakala 42 lagi individu direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (162)
- Tidak memakai pelitup muka (138)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (100)
- Tiada penjarakan fizikal (94)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (91)
- Membawa penumpang berlebihan (78)
- Premis gagal patuhi arahan (7)
- Lain-lain (94)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 25 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas dua (2) buah kenderaan darat serta empat (4) buah bot/kapal.

Dalam operasi itu, sebanyak 227 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui tiga (3) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 957 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 903 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 150 operasi sanitasi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 65 zon merah, zon jingga (5) dan zon kuning (6).

Operasi sanitasi ini melibatkan 896 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 240 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 192 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 28,000 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 391 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 227,990 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 78 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 7,927 individu telah dikuarantin dan 217,335 orang dibenarkan pulang manakala 2,728 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 780 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (584), pemborong (164) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,428 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,405 premis mematuhi SOP, 22 dikompaun manakala satu (1) lagi premis diberi nasihat.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**